Beliau berkata peruntukan kos siling berjumlah RM27 juta bagi pelaksanaan penternakan lembu pedaging dengan keluasan 18 hektar sudah diusahakan di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Sungai Asap secara fidlot sebanyak 400 ekor setahun, manakala di RKT Chalil, kawasan seluas 116 hektar diusahakan secara integrasi sebanyak 120 ekor setahun.

"Melalui projek ini, pengeluaran sebanyak 100

Kesedar sasar ternak 1,300 lembu pedaging

metrik tan setahun karkas daging halal dengan nilai perolehan kasar RM4.3 juta setahun berjaya dihasilkan.

"Oleh itu, pada 2025, Kesedar menjangkakan pengeluaran sehingga 1,300 ekor iaitu 300 metrik tan karkas daging halal dengan perolehan kasar RM10.7 juta setahun dapat dicapai," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Shahrir berkata pihaknya sentiasa komited dalam menyokong dasar dan inspirasi kerajaan dengan kajian pembangunan pertanian sedang diusahakan dan dijangka disiapkan pada per-

tengah tahun ini.

"Kita juga mengadakan perbincangan potensi kolaborasi strategik bersama pemain industri seperti Nestle Malaysia bagi membangunkan tanaman kopi Robusta di kawasan 60 hektar di bawah Program NESCAFE Grown Respectfully.

"Selain itu, pertanian hasil baharu pula akan diusahakan di RKT Paloh 4, Gua Musang dengan keluasan 1,000 hektar bagi tanaman seperti kelapa, durian musang king, nanas MD2, tanaman napier dan sawit, selain ternakan lembu tenusu serta ikan sangkar," katanya.



PELAJAR PPKI Sekolah Kebangsaan Kampung Boyan berpeluang memberi makanan kepada zirafah pada Program Let's Nurture the Nature sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Zoo Taiping dan Night Safari (ZTNS).

ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI AMBIL LANGKAH BERJAGA-JAGA

Elak haiwan terkena strok haba

Bernama Taiping

Zoo Taiping & Night Safari (ZTNS) mengambil langkah berjaga-jaga memastikan haiwan di zoo berkenaan tidak terkena serangan strok haba susulan cuaca panas melampau yang melanda negara ketika ini.

Pengarahnya Dr Muhamad Ridhwan Affendi setakat ini tiada haiwan di zoo berkenaan yang dikesan ter-

kena strok haba.

"Haiwan mempunyai kemungkinan terkena strok haba dan penyakit diabetes seperti manusia, jika tidak dijaga dengan baik oleh pakar.

"Sekarang kita dilanda cuaca yang sangat panas hinggalah pernah mencecah suhu 39 hingga 40 darjah. Namun, kita bersyukur juga kerana ZTNS terletak di kawasan yang sesuai iaitu di tapak kaki Bukit Larut yang di kelilingi Taman Tasek Tai-

ping," katanya pada sidang media program *Let's Nurture the Nature* sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di sini semalam.

Dr Muhamad Ridhwan berkata kebajikan di zoo di jaga rapi oleh ahli yang ditugaskan khas untuk menjaga haiwan dan air, selain memandikan haiwan seperti gajah secara berkala.

Beliau berharap

cuaca panas di negara ini tidak berlanjutan sehingga ke Ogos dan September, memandangkan terdapat taburan hujan sejak beberapa hari lalu.

Sementara itu, ZTNS semalam meraihan seramai 21 pelajar Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Kebangsaan Kampung Boyan, dalam meningkatkan tindakan dan pe-

nglibatan terhadap perubahan alam sekitar.

"Program *Let's Nurture the Nature* memfokuskan kepada matlamat utama iaitu mempromosikan pendidikan dan kesedaran masyarakat, khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

"Antara pengisian aktiviti yang dijalankan ialah penanaman anak pokok Kelat Paya Merah, lawatan zoo dan pemberian makanan kepada

haiwan," katanya.

Beliau berkata istimewa bagi penanaman anak pokok pada hari ini ialah menggunakan tanah baja organik daripada tinja haiwan.

"Kita menggunakan baja kompos yang diperbuat daripada tinja gajah yang juga penghasilan produk ZTNS sendiri. Ini adalah kebanggaan kami dan rasanya kami merupakan zoo pertama yang lakukan (baja kompos) untuk kegunaan semua tanaman," katanya.

Sekarang cuaca sangat panas hinggalah pernah cecah suhu 40 darjah



KEADAAN bangkai penyu agar yang ditemui Nor Shazwa di Pantai Pandak, Chendering, Kuala Terengganu kelmarin.

Disangka hidup, rupanya sudah mati

KUALA TERENGGANU – Ke-terujaan seorang wanita bertemu penyu buat pertama kali bertukar sedih apabila mendapati reptilia itu sebenarnya telah mati di Pantai Pandak, Chendering, di sini kelmarin.

Nor Shazwa Samnuri, 27, berkata, dia dan ahli keluarganya yang bersiar-siar di pantai peranginan tersebut pada mulanya terkejut apabila melihat kelibat seekor penyu agar di gigi pantai dari jauh.

"Saya teruja kerana ini pertama kali bertemu penyu, namun alangkah sedihnya apabila men-

Paling menyedihkan keadaan cengkerangnya sudah pecah manakala keempat-empat kakinya pula terikat dengan batu."

dapati ia sudah mati.

"Paling menyedihkan keadaan cengkerangnya sudah pecah, manakala keempat-empat kakinya terikat dengan batu.

"Saya sedih bercampur marah kerana penyu yang merupakan

spesies terancam diperlakukan begitu," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Madya Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, berdasarkan corak pada badan, reptilia itu masih muda dan belum matang.

"Begitupun, jantannya sukar dipastikan berikutan keadaan fizikalnya. Saya kesal kerana perbuatan khianat mengikat penyu dengan batu bukan kali pertama berlaku," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Penyu agar ditemukan mati akibat perbuatan khianat

KUALA TERENGGANU: Keterujaan seorang wanita melihat seekor penyu di Pantai Pandak dekat Chendering di sini bertukar sedih apabila penyu tersebut ditemukan mati.

Nor Shazwa Samnuri, 27, dari Bukit Payong, Marang, berkata, dia melihat seekor penyu berada di pesisir pantai tersebut kira-kira pukul 4 petang kelmarin.

Bagaimanapun katanya, dia kemudian terus mendekati penyu tersebut dan terkejut apabila mendapati ia adalah bangkai reptilia itu.

"Ini kali pertama saya dapat melihat penyu, namun tak sangka pula ia telah mati.

"Paling saya sedih sebab tengok cengkerang penyu itu pecah dan kakinya diikat dengan batu, seolah-olah sengaja mahu ditenggelamkan, dibiarkan mati.

"Saya sempat ambil beberapa keping gambar sebagai bukti penemuan tersebut untuk rujukan pihak yang bertanggungjawab," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Sementara itu, Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, berdasarkan gambar yang tular, penyu tersebut adalah spesies agar.

"Berdasarkan corak pada badan, nampak macam masih muda, namun jantina sukar dipastikan kerana tiada pemeriksaan fizikal.

"Kematian akibat khianat bukan kali pertama berlaku kerana sebelum ini ada kes penyu yang diikat dengan batu, malah ada kes kesan toreh di bahagian perut," katanya.

Sehubungan itu beliau berharap perkara ini dipandang serius semua pihak.



Poor quality: Abdul Rashid (right) holding a handful of padi seeds, which will likely not germinate as it has been over processed in Megat Dewa, Kedah. — Bernama

'Give subsidy directly to padi farmers'

JITRA: An association comprising padi farmers known as Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, or Pesawah, is appealing to the government to consider providing the subsidy for padi seeds directly to them.

Executive council member Abdul Rashid Yob said the move would enable farmers to get their supply of quality padi seeds at reasonable prices.

He claimed the problem of poor quality seeds had been affecting farmers in Kedah for the past four years and similar complaints had been received by farmers in Negri Sembilan and Penang.

"One of the problems with poor padi seeds is that seeds that had been processed for more than three months will not germinate when soaked in water ... and now, with higher operating costs, it will definitely burden the farmers," he told Bernama.

According to Abdul Rashid, the subsidy is currently given to rice mills.

"What we want is for the government to give the subsidy, either in the form of coupon or cash, directly to the farmers and they make their own choice of where to buy padi seeds.

"This way, there will be healthy

competition, especially if more parties are given the licence to sell padi seeds," he said at a press conference here yesterday.

He also advised farmers to cease the practice of keeping, sharing and selling rice seeds among themselves.

Meanwhile, the chairman of the Mada Farmers' Action Body, Che Ani Mat Zain, said the decline in padi crop yield was due to the problem of poor quality seeds.

"Hence, the need for the government to take immediate action by listening to farmers' complaints because it involves food safety," he added.

PeSAWAH gesa perbanyak lesen jual benih padi

Langkah elak
petani tanggung
rugi bekalan
diterima rosak,
tidak berkualiti

Oleh Izad Thaqif Hassan
bhnews@bh.com.my

Kubang Pasu: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menggesa supaya lesen menjual benih padi diberikan kepada lebih banyak pihak termasuk membenarkan petani melaksanakan amalan tradisi 'menyimpan, berkongsi dan menjual benih'.

Selain itu, PeSAWAH turut menggesa supaya subsidi benih padi diberikan secara terus kepada petani sama ada melalui sistem kupon atau tunai.

EXCO PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, tindakan ini perlu dilakukan bagi mengatasi masalah benih padi yang diterima petani daripada pembekal sudah lebih tempoh selain tidak berubah apabila direndam air.

Menurutnya, PeSAWAH menerima aduan sejak April lalu daripada petani dan hasil pemerhatian mendapati ada sebahagian benih yang dijual sudah melebihi tempoh tiga bulan dari tarikh proses.

"Kita juga mendapati ada benih masih baru, namun tidak berubah apabila direndam air."

"Situasi ini jelas membekalkan petani dan syarikat pengeluaran be-

nih padi dilihat bersikap sambil lewa tanpa memikirkan nasib golongan ini yang terpaksa menanggung kerugian," katanya pada sidang media di Kampung Megat Dewa, dekat sini, semalam.

Menurutnya, isu kualiti bekalan benih padi yang dikeluarkan syarikat-syarikat terpilih ini bukannya perkara baru dengan PeSAWAH sudah mengutarakan masalah sama sejak empat tahun lalu namun ia masih berulang.

Bekalan tidak mencukupi

"Selain kualiti yang teruk, pernah juga berlaku isu bekalan benih padi tidak mencukupi sekaligus menyebabkan kenaikan harga melampau."

"Kita mendapati ada antara syarikat yang dilantik untuk membekal benih padi ini tidak ambil peduli dengan nasib petani



Abdul Rashid (kanan) menunjukkan benih padi tamat tempoh serta rosak yang dijual kepada petani di Kampung Megat Dewa, semalam.

(foto Izad Thaqif Hassan/BH)

kerana mereka mendapat keuntungan jutaan ringgit daripada subsidi diberikan kerajaan," katanya.

Menurutnya, syarikat pembekal dilihat seolah-olah tidak peduli sama ada benih dihasilkan berkualiti atau sebaliknya kerana mereka tetap mengaut untung hasil tuntutan bayaran subsidi.

"Jadi, kita menggesa supaya lesen diberikan kepada lebih banyak pihak dan kita juga ber-

harap subsidi benih padi ini dapat diberikan secara terus kepada petani sama ada melalui sistem kupon atau tunai," katanya.

"Dengan cara ini, petani mempunyai lebih banyak pilihan sekaligus mewujudkan persaingan pasaran yang dilihat dapat menjamin kualiti dan kawalan harga."

"Petani juga dapat memilih pihak yang menjual benih berkualiti dengan harga berpatutan," katanya.

Pesawah persoal kualiti benih padi

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamula.com.my

KUBANG PASU: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendakwa kualiti sebahagian benih padi yang dibekalkan kepada pesawah di negara ini berada pada tahap mengecewakan dan langsung tidak bercambah apabila ditanam dalam air.

Exco pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu, Abdul Rashid Yob berkata, ia bukanlah sesuatu yang baharu namun gagal diselesaikan agensi-agensi kerajaan terlibat sejak sekian lama.

Menurutnya, Pesawah banyak menerima aduan daripada petani di Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan berkaitan hal itu dengan pemerhatian mendapati, sebahagian benih yang dijual merupakan benih lama berusia lebih tiga bulan daripada tarikh diproses.

"Berlaku juga kejadian di mana benih dibekalkan masih + baharu namun turut tidak bercambah apabila ditanam. Masalah ini sudah kami bangkitkan sejak empat tahun lalu tetapi masih terus berulang.

"Kami yakin masalah ini timbul kerana syarikat pengeluar benih padi dilindungi sistem pelesenan dan kuota bekalan benih padi. Setiap musim mereka dapat untung jutaan ring-



ABDUL RASHID YOB (dua dari kanan) bersama petani dan anggota NGO Pesawah menunjukkan benih padi yang didakwa tidak berkualiti di Kampung Megat Dewa, Kubang Pasu.

aman tradisi menyimpan serta berkongsi sejak sekian lama.

"Benih padi dihasilkan petani ini biasanya lebih berkualiti daripada dihasilkan pengilang. Mereka tak gunakan makmal sebaliknya golongan petani ini akan menilai padi yang elok untuk disimpan dan dikongsi bersama rakan-rakan.

"Maka beri lesen kepada mereka untuk menjual benih tersebut dan dalam masa sama subsidi yang diberi kepada pengilang selama ini, diberikan secara terus kepada petani dalam bentuk kupon.

"Apabila lebih ramai diberikan kebenaran menjual dan petani diberi kebebasan untuk memilih, maka akan timbul persaingan sekali gus 'mengajar' pengeluaran untuk meningkatkan mutu benih," katanya.

Beliau berkata, terdapat satu lagi isu berkaitan benih padi yang sering membelunggu pesawah iaitu timbangan berat tidak sama jumlahnya seperti dipaparkan pada kampak benih.

"Berat di kampak 20 kilogram (kg) tetapi apabila ditimbang, kampak benih itu biasanya hanya seberat 18.8kg atau 19.2kg. Apabila isu ini dibangkitkan, pengilang akan jawab kononnya mereka memang letak benih padi seberat 20kg tetapi kadar beratnya susut akibat benih kian kering hari ke hari," katanya.

digesa memberikan lebih banyak lesen menjual benih padi kepada pihak lain seperti pertubuhan peladang, koperasi, syarikat bertaraf industri kecil dan sederhana (SME) serta golongan petani yang melaksanakan

kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan pihak bertanggungjawab, keadaan itu sekiranya akan tiada berkesudahan," katanya di Kampung Megat Dewa di sini semalam.

Justeru katanya, kerajaan dapat tuntut subsidi. Ditambah

AgriData wants to be bridge between farmers and technology

farmers to grow high-value crops in Sabah. He opined that Southeast Asian countries like Malaysia has not "really looked into high-value crops as much."

Matthew explained that it is a usual practice to crossbreed plants in order to produce the best produce "in terms of size, sweetness and juiciness", which is a hybrid seedling. The company aspires to bring the Japanese strawberry hybrid seedling and cultivation methods to Sabah.

"To bring the expertise here to (Sabah), to

work with our smallholder farmers because AgriData has a database of farmers. We not only look at which farmers to fund but also potentially how to improve their cultivation method. In Japan, they try to form a new breed that is suitable for the local climate and that is what we want to bring."

He said the company aspires to be the "bridge to connect the local farmers and the technology" through a joint venture.

Matthew shared that the Philippines would be a potential choice for expansion, followed by

Vietnam and Indonesia. He added that the company will look for potential partnerships from existing entities in the country that is servicing a similar sector. He reckoned that expansion to the countries will occur as early as the fourth quarter of this year.

Currently, the company is based on a business-to-business model and offers free subscription services, with over 500 free users on the platform, with 95% from Sabah and 5% from Peninsular Malaysia. Moreover, there have been a few enquiries from Thai farmers.

"I think we've barely scratched the surface because on our date database, we have over 30,000 farmers, but (users of) our application is only over 500," he said.

On outlook, Matthew believes that 2023 is the most optimistic for the industry for the last three years.

He said the company has several projects in the pipeline. It has completed projects with Khazanah Nasional, Think City and Sabah Credit. Currently, it is open to talking with local banks and investors.

Sabah agritech startup aims to empower farmers

■ BY GLORIA HARRY BEATTY
sunbiz@thesundaily.com

PETALING JAYA: The issue of food security is an opportunity for agriculture technology (agritech) players to address the needs of farmers and consumers as well as improve the agriculture landscape through technological solutions.

According to Sabah-based agritech startup AgriData Portal Sdn Bhd CEO Matthew Johnny Kulai (*pic*), food security has become a growing concern among Malaysians, especially since the Covid-19 pandemic. He believes that it can be addressed through "empowering farmers".

"About 80% of the food consumed in Southeast Asia is produced by smallholder farmers. If we do not empower the smallholder farmers, we will never achieve (food security)," he told *SunBiz* at the SCxSC Grow Fintech Conference recently.

The company aims to empower smallholder farmers by addressing their access to markets and financing, through technology.

AgriData Portal is made up of two



brands - AG Fund, a digital platform which assists farmers with their financial needs and enables them to advance in their operations - and AG-Market, which supplies or distributes farmers' fresh produce to hotels, restaurants, cafes, supermarkets and end-consumers.

The company is focused on increasing its AG Fund users, enlarging its farmer database and expanding its services to other countries in the Southeast Asian region.

"We've been trying to reach out to more farmers by scaling nationwide, increase the database of farmers, supply data of demand and we also want to extend our services outside of East Malaysia and to potentially do a pilot test one or two in other countries within the region," said Matthew.

He said that Malaysia went through industrialisation earlier compared with other Southeast Asian countries, which meant that it "lost a lot of farmers along the way".

"Some countries, more than 50% of the employment is in the agriculture sector. The market is much bigger there because there are (a lot more) small farmers in those countries," he opined.

Meanwhile, Matthew said he is in talks with a Japanese startup which specialises in growing strawberries and plans to be the bridge for local

Turn to
page 12

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Durian naga emas habis ditempah

JERANTUT: Walaupun hanya 106 biji durian naga emas di kebun milik Lim Kim Chooi, 63, di Kampung Berchang, Damak di sini yang 'menjadi' pada musim ini, namun kesemuanya habis ditempah oleh peminat tegar raja buah tersebut.

Kesemua buah berkenaan baru gugur antara tiga ke lima biji sehari bermula Jumaat lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Kim Chooi berkata, biarpun begitu masih ada pelanggan menghubungi termasuk dari Kuala Lumpur untuk menempah naga emas.

"Musim ini naga emas kurang menjadi, cuma 106 biji yang elok berbanding musim lalu antara 250 hingga 300 biji.

"Berikutan buah yang kurang lebat, saya cuma dapat memenuhi permintaan pelanggan yang sudah pun membuat tempahan awal. Itu pun bergantung kepada buah yang gugur setiap hari," katanya di sini semalam.

Kim Chooi berkata, naga emas merupakan jenis durian kampung yang asli kerana aroma dan rasanya lemak manis serta sedikit pahit malah seakan-akan isi melekat di kerongkong.

"Buah naga emas bersaiz sederhana besar, berbentuk bulat tidak sekata dan sedikit lonjong, manakala kulitnya sederhana tebal dan berduri kasar.

"Warna kulitnya hijau keperangan dan beratnya antara 1.2 hingga 3.2 kilogram. Di Pekan Damak, naga emas dijual dengan harga sehingga RM45 sekilogram bergantung kepada permintaan di pasaran," katanya.

Menurutnya, kebun duriannya seluas 2.4 hektar mempunyai 250 batang pokok durian kampung dan durian kahwin termasuk sebatang pokok naga emas ditanam mentuanya sejak 70 tahun lalu menerusi semai biji diperolehi daripada seorang rakannya di Terengganu.

'Saya berkebun kerana mahu dekat dengan kubur anak' dekat dengan kubur anak'

Pesara tanam 450 pokok buah di tanah rizab sebelah pusara, sedekah kepada orang ramai

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bhd.com.my

Kuala Lumpur: Seorang bapa sanggup menghabiskan masanya setiap hari selama enam tahun bagi mengusahakan tanah terbiar menjadi kebun bandar yang menarik, semata-mata kerana mahu sentiasa 'dekat' dengan arwah anak bongsunya yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, di sini.

Bukan itu sahaja, kerinduan mendalam Yen Maseri Idris, 67, terhadap arwah anaknya yang meninggal dunia di United Kingdom (UK) itu mendorong beliau berhenti kerja selepas berkhidmat selama 32 tahun di Unit Sumber Manusia sebuah syarikat dan kemudiannya sanggup menjadi penggalang kubur selama setahun di tanah perkuburan berkenaan.

Beliau berkata, setakat ini, dia menanam 450 pokok buah-buahan yang hasilnya diberi kepada orang ramai khususnya sukarelawan yang membantunya membangunkan kebun bandar terbiar.

Bagaimanapun, mungkin disebabkan kepesatan kawasan itu, tiada siapa yang perasan kewujudan kebun bandar di atas tanah rizab



(Foto Rohanis Shukri/BH)

Yen Maseri menunjukkan tanaman yang diusahakan berdekatan Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

nam pokok yang dapat memberi manfaat kepada orang ramai kerana saya faham ini tanah rizab, cuma saya ingin mentransformasi serta menjadikan kawasan ini tidak terbiar begitu sahaja.

"Pada masa sama, kegiatan ini masih membolehkan saya 'dekat' dengan arwah anak kerana setiap hari tetap datang melawat kuburnya," katanya yang berulang alik sejauh 10 kilometer dari rumahnya di Sri Hartamas, di sini.

Tidak terfikir jadi pekebun
Yen Maseri berkata, dia tidak pernah terfikir menjadi pekebun dan sejak mengusahakan kebun bandar itu selama enam tahun, hampir 450 batang pokok daripada 30 jenis pokok buah-buahan ditanamnya termasuk ciklu hibrid, avocado, nangka, mangga harum manis, durian musang king dan rambutan.

makanan di medan selera berdekatan dan memberikan daun pandan yang ditanam di sini kepada peniaga terbiar," katanya.

Yen Maseri berkata, tidak dinafikan sejak mengusahakan tanah ini daripada semak samun kepada satu 'permat' bernilai yang boleh dinikmati orang ramai secara terbuka, banyak cabaran dihadapi, termasuk sering didadu mengenai aktiviti berkebun kepada pihak berkuasa, selain dicerobohi orang luar.

"Saya mengata-alukan sukarelawan berganding bahu menjadikan kawasan terbiar ini satu lokasi bermanfaat dan berkongsi ilmu kerana saya tiada pengalaman bertani sebelum ini.

"Malah saya juga menghubungkan dan maklumkan aktiviti berkebun di tanah milik JPS ini selain melakukan tindakan susulan lain memastikan ia sentiasa dikemas kini kepada pihak berwajib," katanya yang turut membaja pokok ini tiga bulan sekali dengan modal sendiri sekurang-kurangnya RM400.

Yen Maseri berkata, dia juga kini mengusahakan satu labuan khas sepanjang 250 meter untuk dijadikan denai bagi memudahkan orang ramai datang menikmati suasana kebun dalam bandar.

Sementara itu, jurucakap JPS berkata, pihaknya maklum mengenai usaha dilakukan Yen Maseri dan menyarankan warga emas itu membuat permohonan mengusahakan kebun bandar itu secara komuniti.

Katanya, JPS sedia menilai permohonan berkenaan untuk kelulusan berdasarkan syarat ditetapkan.